

19 JUN 2001

CUEPACS-Bonus

CUEPACS CADANG KERAJAAN BERI BONUS SETIAP TAHUN IKUT KEMAMPUAN

KOTA BAHARU, 19 Jun (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mencadangkan supaya kerajaan memberi bonus kepada kakitangan kerajaan pada setiap tahun mengikut kemampuan kewangan negara.

Setiausaha Agungnya Abdul Rahman Manan berkata langkah itu sebagai menghargai sumbangan kakitangan kerajaan dalam meningkatkan produktiviti negara.

"Majoriti atau 95 peratus kakitangan kerajaan menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam penilaian prestasi Skim Saraan Baru (SSB) dan wajarlah mereka dipertimbangkan untuk diberi bonus," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen Skim Simpanan Dan Kesihatan Berkelompok "Living Care" di Jabatan Pembangunan Persekutuan di sini hari ini.

Abdul Rahman berkata adalah lebih baik jika kerajaan dapat mempertimbangkan hasrat kakitangan mereka itu untuk diberikan bonus pada setiap tahun tanpa perlu Cuepacs membuat tuntutan seperti kelaziman.

Katanya cadangan itu akan dipanjangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau kepada Menteri Kewangan yang akan dilantik nanti.

"Kita faham kedudukan kewangan kerajaan dan kita cadang kerajaan membayar mengikut kemampuan," katanya.

Kongres itu juga meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menepati tempoh tiga bulan yang diberikan untuk menyiapkan kajian mengenai isu jadual gaji matriks dalam SSB.

Beliau berkata Majlis Cuepacs pada 25 Mac lepas telah meminta JPA menyiapkan kajian itu dalam tempoh tiga bulan iaitu sebelum berakhirnya bulan ini.

Selain itu beliau meminta kakitangan kerajaan yang menikmati pelbagai elaun hotel, perbatuan dan kerja lebih masa supaya bersabar kerana ketika ini JPA sedang meneliti kadar elaun itu.

"Kita sedar elaun-elaun itu kebanyakannya sudah tidak relevan lagi dengan keadaan semasa dan kita minta kakitangan kerajaan supaya bersabar sedikit masa lagi," katanya.

Abdul Rahman juga berkata kongres itu juga bersetuju dengan cadangan untuk mengkaji semula struktur Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) kerana tugas mengawal sempadan negara kini boleh diambil sepenuhnya oleh Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pasukan Gerak Am.

"Kita bersetuju UPP dimansuhkan dan anggotanya boleh diserapkan terus ke dalam agensi lain," katanya.

Beliau juga berkata tugas anggota UPP kini yang kebanyakannya membuat sekatan jalan raya di sempadan juga boleh mengubah persepsi pelancong luar yang mungkin beranggapan negara ini adalah negara ala ketenteraan.

Menyentuh tentang skim simpanan dan kesihatan berkelompok itu, beliau berkata ia boleh disertai oleh semua kakitangan kerajaan yang ketika ini menanggung kos perubatan yang semakin meningkat.

Ini diadakan secara sukarela dan mereka bebas memilih mana-mana skim yang dirasakan perlu, katanya.

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah penanggung insurans kepada kakitangan kerajaan yang memilih skim itu.

-- BERNAMA

ZI NMO